

# **ATRIBUSI (Part 1)**

**Shafezan Hamidi Abd Hamid, Nik Rozita Bt Ab Lattip & Ong Ay Shin**

## **Definisi**

Merupakan satu proses untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu fakta dan mengkaji kebenarannya. Dalam interaksi sosial seharian, kita hanya tahu sebahagian sahaja dari penjelasan sesuatu perkara. Sedangkan kita ingin tahu lebih lanjut dan tepat lagi mengenai seseorang itu bertingkah laku sedemikian dan punca kejadian itu. Contoh yang boleh kita lihat, apabila melihat satu pasangan bergaduh, kita ingin tahu apakah sebabnya berlakunya pergaduhan itu.

## **Jenis-Jenis Atribusi**

Terdapat 2 jenis atribusi. Antaranya ialah:

### **Dalaman:**

Ia berkait dengan sebab dalaman individu seperti sikap, kesihatan atau ‘mood’. Contohnya seorang dermawan memberi derma kerana memang dia seorang yang baik hati.

### **Luaran:**

Ia lebih melibatkan sebab luaran seperti tekanan orang luar, situasi sosial. Contohnya ialah seorang wakil rakyat memberi derma adalah disebabkan pilihanraya semakin dekat dan bukannya dia berniat ikhlas untuk berbuat demikian.

